


**INOVASI SOSIAL DALAM PEMBANGUNAN BELIA:
Kebangkitan Generasi Belia yang Mandiri, Inovatif dan Membentuk Zamannya**

Oleh:
Ahmad Naim bin Jaafar
Pengasas, Foresight Studios dan
Malaysian Institute of Social Innovation

“Only those who see the invisible can seize the impossible”

1. Cabaran masa hadapan belia sangat pelbagai merangkumi isu pembangunan diri, ekonomi, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Tulisan ini akan menerangkan bagaimana cara sudut pandang yang baru dalam melihat potensi pembangunan belia daripada konteks inovasi sosial.
2. **Apakah yang dimaksudkan oleh inovasi sosial?** Ia bermaksud idea, inisiatif, projek, program dan ‘startup’ yang diwujudkan bagi menyelesaikan masalah sosial yang tidak mampu diselesaikan oleh individu, organisasi dan institusi terdahulu.
3. Inovasi selalunya dikaitkan dengan kemajuan teknologi dan sains sahaja. Bahkan rujukan selalu dibuat kepada institusi R&D bilamana usaha inovasi cuba dilakukan. Namun dengan perubahan yang sangat radikal dan laju, inovasi juga berevolusi. Kajian oleh Forrester Research menunjukkan bahawa masa hadapan inovasi akan menjurus kepada era baru yang dipanggil era inovasi sosial.
4. Gambarajah di bawah menunjukkan evolusi daripada inovasi teknologi pada era 70-an sehingga inovasi pemasaran dan akan meluncur ke arah era inovasi sosial. Oleh itu golongan belia dan persatuan belia perlu mengambil peluang ini bagi mempersiapkan diri dan organisasi bagi mendepani dan mempelori era baru ini.



5. Potensi dan peluang inovasi sosial bakal merangkumi pelbagai lapangan kehidupan manusia daripada pendidikan, ekonomi era baru, peniagaan, kebajikan dan sebagainya. Oleh itu wujud keperluan yang mendesak supaya agenda inovasi sosial diangkat bagi merentasi formulasi dasar kerajaan, masterplan pendidikan dan gerakan massa.
6. Dalam konteks pembangunan belia, terdapat dua perspektif penting bagaimana golongan belia berperanan:
 - a) Generasi belia mendapat manfaat secara terus daripada aplikasi inovasi sosial. Banyak inisiatif yang sudah dan sedang dijalankan mampu menyelesaikan masalah dan cabaran belia secara kolektif dan memberi impak.
 - b) Generasi belia adalah asset penting inovasi sosial dalam masyarakat kita. Ini kerana golongan muda belia lebih terbuka kepada perubahan yang dipacu oleh teknologi dan akses kepada ilmu baru yang mana golongan terdahulu lebih lama mengambil masa untuk berubah.

7. **Paradigma Baru.** Inovasi sosial dalam pembangunan belia adalah satu sudut pandang baharu berdasarkan kekuatan dan potensi yang ada pada belia bukan sekadar bagi menyelesaikan masalah mereka sahaja bahkan mereka mampu menyelesaikan masalah using yang gagal diselesaikan secara berimpak oleh generasi terdahulu.
8. **Memahami Generasi Digital Nomad:** Generasi belia kini dan akan datang sering dirujuk sebagai generasi melinial. Untuk tujuan perbincangan, kita akan merujuk istilah ini walaupun banyak istilah lain yang digunakan seperti Gen Y, Alpha Gen dan sebagainya.
9. Kita perlu akui bahawa wujud kesukaran bagi memahami generasi melinial ini. Ini kerana mereka dilahirkan pada zaman yang sangat canggih dari segi akses kepada maklumat serta teknologi komunikasi dan media digital. Mereka dilahirkan sebagai *digital nomad*, sedangkan ramai pemimpin, pembuat dasar dan pengurus organisasi dilahirkan sebagai *digital immigrant*.
10. Fenomena generasi melinial ini tidak semuanya mendatangkan kebaikan dan manfaat. Ada juga unsur negative yang membentuk generasi ini dari sudut sikap, tingkahlaku dan keperibadian. Penulis memerhati respon orang dewasa terhadap generasi ini selalunya mengambil sisi samada ada menafikan dan mempelekehkan mereka atau menyokong cara generasi melinial ini secara sepenuhnya.
11. **Dua Kumpulan Generasi Melinial:** Pada pendapat penulis, generasi melinial akan terbahagi kepada dua kumpulan. yang kita perlu santuni iaitu:
 - a. **Kumpulan Berinstitusi:** Generasi melinial ini selalu melalui proses pendidikan formal sehingga tahap ijazah dan sarjana. Mereka percaya bahawa kejayaan mereka perlu melalui proses yang bersifat institutional dan secara tersusun. Falsafah kumpulan ini, *'I am educated, therefore, I deserve to be picked up to succeed'*

- b. **Kumpulan Startup:** Generasi melinial ini pula melalui proses pendidikan dan pembangunan secara startup. Mereka percaya kejayaan mereka berdasarkan usaha mereka sendiri. Falsafah kumpulan ini *“I design my own learning, therefore I pick up myself to succeed”*

12. Model Twin Tolerations. Penulis mencadangkan model pembangunan belia yang dipanggil sebagai Twin Tolerations. Dua kumpulan diatas perlu dibangunkan secara bersama. Walaupun wujud konflik dan perbezaan nilai antara dua kumpulan generasi melinial itu, namun mereka memiliki peranan yang saling berkaitan bagi pembangunan Negara yang mapan.

13. Motivasi Generasi Melinial: Menurut *Daniel Pink* dalam bukunya, *Drive: The Surprising truths what motivate people* membongkarkan 3 faktor utama yang memotivasikan generasi melinial iaitu:

- a. **Autonomy :** Mereka mahukan kebebasan bagi melakukan sesuatu kerja dengan cara mereka. Jangan resah dengan sikap mereka kerana dalam banyak keadaan kuasa demokrasi peribadi yang dimiliki menyebabkan mereka mampu melakukan sesuatu yang pernah diimpikan oleh generasi sebelumnya.
- b. **Mastery:** Generasi ini sentiasa mahu menguasai kemahiran yang rumit dan mencabar. Dalam masa yang sama mereka mendapat motivasi kerana menguasai kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja melalui model kerjaya ‘Free Agency’ (sila rujuk perenggan 19)
- c. **Purpose:** Mereka hanya mahu melakukan sesuatu yang ada tujuan tertentu. Jika mereka diberikan visi dan tujuan sesuatu perkara mesti dilakukan, maka motivasi mereka akan meningkat dan komitmen mereka tidak akan berbelah bahagi

14. Bagaimana Generasi Melinial Belajar? Mereka belajar melalui aktiviti sebenar dan berpaksikan kepada hasil. Tony Wagner dalam bukunya *Creating Innovators* menulis, *“generasi ini tidak mementingkan apa yang mereka tahu, namun mereka menghargai apa yang mereka boleh cipta dan hasilkan dengan apa yang mereka tahu”*

15. 'Serius Play' adalah cara pembelajaran generasi melinial. Dengan kadar pengangguran belia dan graduan yang tinggi, kita perlu memikirkan semula kefahaman kita berkenaan fitrah dan keperluan zaman ini. Jika pedagogi pembelajaran berteraskan akademik dan peperiksaan awam telah melahirkan generasi yang menunggu kerja, maka persoalannya apakah cara inovatif generasi ini belajar? Jawapannya adalah serious play. Mereka belajar dan kemudiannya bekerja sebagai satu pengalaman bermain secara komited.

16. Play, Passion and Purpose: Jika ada sesiapa yang ingin merevolusikan keseluruhan sistem pendidikan dan pengajian tinggi yang memberi impak secara terus kepada belia, tiga elemen ini perlu diterapkan dalam proses dan pengalaman pembelajaran mereka.

a. Play (Bermain). Seperti yang diterangkan pada perkara 15 diatas, semua program dan inisiatif belia harus berlandaskan gamification atau gamified learning. Selain daripada itu project and challenges based learning sangat berkesan bagi membangunkan belia yang kreatif dan inovatif.

b. Passion. Generasi ini mencari minat dan bakat mereka dahulu dan kemudian mereka akan belajar daripada minat dan bakat mereka. Penulis berekperimentasi dengan satu model inovasi sosial dalam pendidikan yang dipanggil sebagai 'The Three Circles' iaitu:

- i) Lingkaran Minat:** Cari minat dan bakat mereka sendiri.
- ii) Lingkaran Belajar:** Pilih minat dan bakat tertentu untuk dipelajari daripada individu yang mahir, berkelayakan dan berpengalaman.
- iii) Lingkaran Praktis:** Uji ilmu dan kemahiran yang akan dipraktikkan dan boleh menjana sumber kewangan, kepuasan peribadi dan menonjolkan potensi terbaik individu.

17. Pendidikan Keusahawanan Belia: Inovasi sosial dalam pembangunan belia bakal dipengaruhi oleh kemandirian belia secara ekonomi dan kerjaya. Pendidikan keusahawanan belia perlu diberikan perhatian utama. Namun ia

tidak harus bersifat ad-hoc sahaja. Ia harus bermula seawal umur 7 tahun. Ia akan membina generasi yang bebas dan berilmu. Kemuliaan insan itu dapat dicapai bila kedua-dua elemen ini saling bersinergi secara konsisten.

18. Masa Hadapan Keusahawanan Belia: Keusahawanan belia tidak akan berjaya jika belia tidak mempersiapkan diri dengan gelombang kerjaya masa hadapan yang dipanggil 'Free Agency Work'. Apakah itu Free Agency? Ia bermaksud kerjaya akan datang bukan lagi dalam bentuk full employment yang berteraskan '*presence based work*'. Free agent akan bekerja dengan pelbagai syarikat dan organisasi sebagai kontraktor, perunding dan rakan projek secara berkala.

19. Generasi Belia dan Gelombang Free Agency: Perunding Bakat terkemuka dunia, Kelly Services dalam laporan pada tahun 2011 menjangkakan menjelang tahun 2020, 75% pasaran kerja global adalah dalam bentuk pekerjaan dengan model Free Agency Work. Bagi tujuan itu, inovasi sosial dalam pembangunan belia perlu memperkasa belia supaya bersedia dengan model kerjaya berdasarkan Free Agencies secara sesegera mungkin. Ia memberikan peluang yang besar jika kita bersedia untuk meneroka dengan tujuan dan komitmen yang jelas.

20. Inovasi Sosial dan Kacamata kita: Generasi belia ada dua pintu bagi mewujudkan inovasi sosial secara efektif:

- a. **Berdasarkan masalah yang sangat perlu diselesaikan:** Masalah yang dihadapi kepada kita sangat banyak dan mencabar. Inovasi sosial yang berjaya boleh berlaku dengan para belia berusaha membangunkan inisiatif dan startup khusus bagi menyelesaikan masalah tersebut.
- b. **Berdasarkan peluang dan kemungkinan yang bakal berlaku:** Faktor-faktor perubahan disekeliling kita akan membuka kepada peluang dan kemungkinan baharu. Generasi belia yang dilatih dan dipupuk menghidu dan membaca gelombang dasar laut akan menjadi merebut peluang tersebut.

21. Untuk siapakah pokok ini kita tanam? Jika agenda inovasi sosial ini kita umpamakan persis sebatang pokok yang sedang ditanam benihnya, maka yang bakal berteduh dibawah pokok yang rendang satu hari nanti sudah tentu bukannya kita. Kita harus terus mencuba model inovasi sosial yang merantasi pelbagai bidang dan aplikasi ilmu. Semoga usaha ini dicatat sebagai nilai kebaikan yang berpanjangan.